

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 6 DISEMBER 2023

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 23

Dasar Gaji Progressif selesai masalah gaji tidak setimpal

Dasar Gaji Progressif selesai masalah gaji tidak setimpal

Kuala Lumpur: Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yakin Dasar Gaji Progressif akan menyelesaikan masalah isu gaji rendah dan gaji yang tidak setimpal dengan prestasi dan kemahiran pekerja.

Ketua Pengarah MPC, Zahid Ismail berkata, terdapat hubung kait rapat antara gaji dan produktiviti.

"Lazimnya, pekerja menerima gaji yang lebih tinggi apabila produktiviti me-

ingkat. Namun, kenaikan gaji di Malaysia didapati tidak seiring dengan peningkatan produktiviti pekerja.

"Prestasi produktiviti menunjukkan tahap kecekapan pekerja. Produktiviti pekerja yang tinggi menggambarkan kecekapan dalam penggunaan sumber dan pelaksanaan proses. Seorang pekerja yang produktif dapat mengeluarkan hasil atau memberi perkhidmatan melebihi jang-

kaan," katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, pihaknya menyambut baik dan menyokong cadangan Dasar Gaji Progressif sebagai langkah reformatif melonjakkan produktiviti pekerja dan negara.

"Pada tahun 2022, produktiviti negara tumbuh sebanyak 5.4 peratus dengan nilai RM95,858 bagi setiap pekerja.

"Terdapat peningkatan

jika dibandingkan dengan tahun 2021, di mana produktiviti tumbuh sebanyak 2.0 peratus dengan nilai RM90,952.

"Pada suku ketiga tahun ini pula, tahap produktiviti meningkat kepada RM24,465 bagi setiap pekerja berbanding suku kedua yang lalu iaitu sebanyak RM23,408.

"Ini adalah satu petunjuk yang baik, menggambarkan kecekapan pekerja me-

ingkat dan proses pengeluaran semakin berkesan. Kita dapat lihat hasilnya pada pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh," katanya.

Bagaimanapun, menurutnya ini bukanlah satu situasi yang selesai untuk negara kerana berdasarkan Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia pada tahun 2018, gaji di Malaysia lebih rendah berbanding gaji di beberapa negara serantau,

seperti Singapura dan Korea Selatan.

"Sekiranya ini berterusan, negara akan kehilangan daya saing apabila baka mahir dan produktif memilih untuk berkerja di negara lain.

"Produktiviti negara juga akan menurun. Pertumbuhan gaji yang tidak seiring dengan prestasi produktiviti memberi cabaran kepada pasaran buruh negara," katanya.

